



## SIARAN AKHBAR

14 Ogos 2014

# FORUM EKUITI PERSENDIRIAN MALAYSIA MARTABATKAN NEGARA SEBAGAI DESTINASI UTAMA PELABURAN P.E.

**KUALA LUMPUR, 14 Ogos 2014:** Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) and Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) akan menganjurkan Forum Ekuiti Persendirian Malaysia di Grand Hyatt Kuala Lumpur pada 9-10 September 2014.

Mendukung tema ‘Ekuiti Persendirian sebagai Pemangkin Pertumbuhan di Malaysia’, Forum ini bertujuan mempromosi Ekuiti Persendirian atau *Private Equity (PE)* sebagai kelas aset pelaburan yang menarik bagi pelabur Malaysia, meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat pelabur tempatan tentang potensi nilai transformasi pelaburan ekuiti persendirian dan mengenengahkan firma-firma PE sedia ada dengan matlamat memperluaskan dan membangun sektor PE dalam negara.

Forum ini akan menghimpunkan golongan pelabur serta pengurus dana berpengalaman dan juga warga profesional dalam bidang PE dari seluruh rantau Asia Tenggara untuk berkongsi maklumat strategik tentang manfaat dan peluang yang diwujudkan oleh pelaburan PE.

Menyertai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato’ Sri Abdul Wahid Omar, akan menyampaikan ucapan pembukaan dan merasmikan Forum tersebut.

Datuk Shahril Ridza Ridzuan, Ketua Pegawai Eksekutif KWSP berkata, “Berikutnya kejayaan Persidangan Ekuiti Persendirian Global KWSP 2013, kami berbesar hati menganjurkan Forum ini bersama Ekuinas. Forum ini akan menekankan lagi kelebihan PE sebagai kelas aset pelaburan alternatif kepada institusi pelaburan Malaysia. Secara beransur-ansur, kami berharap usaha ini akan meningkatkan aliran pelaburan domestik ke dalam ekuiti



persendirian, yang masih agak kecil dan membantu mengembangkan sektor pelaburan yang sedang pesat berkembang ini."

Dato' Abdul Rahman Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas berkata, "Malaysia memiliki salah satu ekonomi paling rancak dan stabil di Asia Tenggara. Walaupun pasaran PE Malaysia masih baru, Forum ini akan memaparkan potensi besar PE di Malaysia dan bagaimana PE mampu menjadi pemangkin dalam mentransformasi sesebuah syarikat, selain menjana pertumbuhan dan produktiviti negara."

Di Forum dua hari ini, perbincangan panel membabitkan tokoh-tokoh utama industri akan mengupas pelbagai topik termasuk "***Malaysia sebagai Destinasi Ekuiti Persendirian Antarabangsa***", "***Menjana Pulangan Tinggi menerusi PE***" dan "***Asia Tenggara: Mencipta Nilai bagi Syarikat-syarikat ASEAN***".

Tokoh-tokoh yang bakal menyampaikan ucaptama di Forum tersebut terdiri daripada Howard Marks, Pengerusi Oaktree Capital Management, syarikat pengurusan pelaburan alternatif global terkenal yang ditubuhkan pada 1995 dengan aset dalam pengurusan berjumlah USD91.1 bilion setakat 30 Jun 2013; D. Brooks Zug, Pengasas dan Pengarah Urusan Kanan, HarbourVest Partners LLC, salah sebuah syarikat PE global terkenal yang mengkhusus dalam dana kepada dana (*fund of funds*), dengan dana dalam pengurusan melebihi USD35 bilion; dan David Suddens, Ketua Pegawai Eksekutif, Dr. Martens, sebuah jenama kasut terkemuka dari United Kingdom.

Tokoh penting lain yang akan turut menghadiri Forum itu nanti termasuk Nicholas Bloy, Pengasas Bersama dan Rakan Kongsi Urusan, Navis Capital Partners; Sigit Prasetya, Rakan Kongsi Urusan, CVC Capital Partners; Brahmal Vasudevan, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif, Creador; Eugene Lai, Pengarah Urusan dan Rakan Kongsi Bersama, Kumpulan Southern Capital; dan Ravi Thakran, Presiden Kumpulan, Asia Selatan, Asia Tenggara dan Timur Tengah, Kumpulan LVMH.



Forum Ekuiti Persendirian Malaysia 2014 disokong oleh syarikat-syarikat terkemuka seperti BNP Paribas dan Bank Pelaburan Maybank sebagai Penaja Acara, dan juga The Boston Consulting Group (BCG), KPMG, PricewaterhouseCoopers (PwC) dan Wong & Partners sebagai Penaja Ilmu.

Untuk maklumat lanjut mengenai Forum Ekuiti Persendirian Malaysia 2014, sila layari laman sesawang [www.malaysianpeforum2014.com](http://www.malaysianpeforum2014.com).

- Tamat -

#### **Mengenai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ialah dana simpanan persaraan terulung Malaysia, yang menyediakan tabungan kewangan asas yang selamat untuk persaraan. KWSP komited untuk melindungi dan mengembangkan simpanan ahlinya berdasarkan amalan terbaik dalam bidang pelaburan dan urus tadbir korporat. Ketelitian ditekankan dalam segala keputusan pelaburannya.

Sebagai sebuah organisasi yang mengutamakan pelanggan, KWSP menyediakan perkhidmatan yang cekap dan boleh dipercayai demi kemudahan ahlinya dan majikan berdaftar.

KWSP terus memainkan peranan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negara, sejajar dengan kedudukannya sebagai institusi simpanan ulung di Malaysia.

#### **Mengenai Ekuinas**

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Berbekalkan peruntukan RM5 bilion daripada Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat melahirkan syarikat terkemuka generasi baru di Malaysia sambil menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama, berkesan dan berdaya maju. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam bidang barang pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan dan peruncitan.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

**Weber Shandwick**

**Untuk Forum Ekuiti Persendirian Malaysia 2014**

Adli Abdul Karim

+603 6209 5222

[AAbdulKarim@webershandwick.com](mailto:AAbdulKarim@webershandwick.com)

Amirah Aziz

+603 6209 5224

[AAziz@webershandwick.com](mailto:AAziz@webershandwick.com)